Takaful: Suatu persepakatan yang berdasarkan konsep saling bantu membantu di mana para peserta takaful saling bersetuju untuk memberi caruman kepada satu dana yang sama untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful atau waris-waris mereka apabila berlaku peristiwa yang telah dipersetujui.

Wakalah: Kontrak perwakilan di mana peserta melantik pengendali takaful untuk menguruskan caruman Takaful dengan mengenakan Yuran Wakalah untuk khidmat mereka.

Tabarru': Ia adalah caruman daripada peserta kepada Dana Takaful Am (**DTA**) di mana Peserta bersetuju untuk melepaskan semua atau sebahagian daripada caruman tersebut untuk membayar manfaat-manfaat takaful.

Hibah: Adalah hadiah. Dalam Takaful, kontrak Hibah juga boleh diguna pakai dalam transaksi lain seperti perkongsian lebihan, di mana manfaat Takaful akan diberikan kepada penama berasaskan Hibah Bersyarat.

Ju'alah: Ia bermaksud komisen (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan Dana Takaful Am (**DTA**) di mana pengendali takaful akan menerima insentif bersamaan dengan 50% daripada perkongsian Dana Takaful Am (**DTA**) pada akhir setiap tahun kewangan.

Qard: Pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh pengendali takaful jika berlakunya defisit Dana Takaful Am (**DTA**)

DEFINISI

Terdapat beberapa perkataan tertentu yang ditakrifkan seperti yang di bawah. Perkataan ini mempunyai maksud yang sama apabila digunakan dalam Sijil ini. Perkataan ini telah **ditebalkan** dan bermula dengan huruf besar (contoh: **Orang Yang Dilindungi, Anda**)

Kemalangan

bermaksud kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak dijangka dan secara kebetulan tanpa diduga dalam **Tempoh Perlindungan**.

Kecederaan Badan

bermaksud kecederaan secara tunggal dan langsung akibat **Kemalangan** dan tidak termasuk kecederaan yang diakibatkan oleh sebarang penyakit, kesakitan atau masalah kesihatan.

Pemilik Sijil

bermaksud TONE WOW Sdn Bhd seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil**.

Sijil Takaful

mengandungi butiran-butiran **Anda**, pelan, jumlah yang dilindungi dan **Tempoh Perlindungan**.

Jadual Sijil

Jadual Sijil yang mengandungi butir-butir **Pemilik Sijil** dan **Tempoh Takaful**. Jadual Sijil membentuk sebahagian daripada sijil induk ini.

Tarikh Mula

bermaksud tarikh perlindungan takaful di dalam Sijil ini mula berkuat kuasa seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil**.

Kehilangan Pendengaran

bermaksud kehilangan pendengaran secara kekal dan tidak boleh dipulihkan.

Kehilangan Anggota Badan

bermaksud kehilangan akibat permisahan secara fizikal pada atau di atas pergelangan tangan atau sendi buku lali.

Kehilangan Penglihatan

bermaksud kehilangan penglihatan yang tidak dapat dipulihkan secara keseluruhan dan kekal.

Kehilangan Upaya Bertutur

bermaksud ketidakupayaan kekal dan menyeluruh untuk berkomunikasi secara lisan.

Kehilangan Penggunaan

bermaksud kehilangan upaya fungsian secara menyeluruh dan kekal dan dianggap sebagai kehilangan seluruh anggota badan atau organ tersebut dan bukan dari segi ketidakupayaan profesional atau pekerjaan **Anda**.

Perlu Dari Segi Perubatan

bermaksud khidmat perubatan yang: -

- i. selaras dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa bagi kejadian yang dilindungi;
- ii. menurut piawai amalan perubatan yang baik, selaras dengan piawai semasa bagi rawatan perubatan profesional, juga dengan manfaat kesihatan yang sah;
- iii. bukan untuk kemudahan **Anda** atau **Pengamal Perubatan**, dan tidak dapat diperoleh sewajarnya di luar **Hospital** (jika dimasukkan ke wad sebagai pesakit dalam);
- iv. bukan berbentuk eksperimen, penyelidikan atau kajian, pencegahan atau penyaringan; dan
- v. yang bayarannya berpatutan, munasabah dan biasa bagi rawatan itu.

Tempoh Perlindungan

bermaksud tempoh masa **Anda** diberi perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam **Sijil Takaful**.

Tempoh Takaful

bermaksud tempoh Sijil seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil**.

Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal

bermaksud hilang upaya yang disebabkan semata-mata secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain kecuali akibat **Kecederaan Badan** serta berlaku dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari berturut-turut dan kemungkinan besar mencegah **Anda** secara sepenuhnya daripada melakukan sebarang pekerjaan untuk seumur hidup dan yang mana tiada harapan untuk sembuh.

Orang Yang Dilindungi/Anda

bermaksud Orang Yang Dilindungi yang namanya seperti dinyatakan dalam **Sijil Takaful**.

Pengamal Perubatan

bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen:

- i. untuk mengamalkan perubatan barat dan yang, semasa memberikan rawatan tersebut, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai dalam kawasan amali geografi, dan
- ii. tidak termasuk **Anda** atau ahli keluarga terdekat **Anda**, contoh adik-beradik, suami/isteri, anak atau ibu bapa.

Keadaan Sedia Ada

bermaksud ketidakupayaan yang sewajarnya diketahui oleh **Anda** sebelum tarikh mula **Tempoh Takaful**. **Anda** dianggap wajar mengetahui tentang keadaan sedia ada itu apabila:-

- i. **Anda** telah atau sedang menerima rawatan;
- ii. nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah diberikan atau dicadangkan;
- iii. gejala yang jelas dan ketara dapat atau telah dilihat; atau
- iv. **Anda** mengetahui kewujudannya yang mana adalah jelas kepada orang yang berfikiran waras.

RM

bermaksud dalam Ringgit Malaysia; mata wang Malaysia.

Cukai

bermaksud sebarang cukai, levi atau duti langsung atau tidak langsung, masa kini atau masa depan, termasuk cukai penggunaan atau sebarang cukai sepertinya yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa cukai.

Peperangan

bermaksud suatu aktiviti kekerasan antara dua (2) atau lebih negara, yang dijalankan bagi sebarang tujuan, atau konflik bersenjata antara kuasa berdaulat, atau permusuhan terbuka yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan dan permusuhan terbuka atau keadaan negara di mana terdapat gangguan perhubungan aman, dan perbalahan umum menggunakan kekerasan, yang kedua-duanya dibenarkan atau tidak dibenarkan oleh pemerintahnya.

Kami

merujuk kepada Zurich General Takaful Malaysia Berhad.

PERLINDUNGAN

MANFAAT 1 – Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan Badan**, di mana dalam tempoh dua belas (12) bulan yang berturut-turut menyebabkan kematian atau hilang upaya yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat berikut, **Kami** akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam **Sijil Takaful** mengikut peratusan jumlah yang dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

JADUAL MANFAAT

Keterangan Hilang Upaya	Peratus Jumlah Yang Dilindungi (%)
Kematian Akibat Kemalangan	100%
Kehilangan Anggota Badan (satu (1) atau kedua-dua anggota badan) - kehilangan akibat pemisahan secara fizikal pada atau di atas pergelangan tangan atau sendi buku lali	100%
Lumpuh Sepenuhnya	100%
Kecederaan yang mengakibatkan terlantar sakit di katil secara kekal	100%
Sebarang Kecederaan Badan lain yang menyebabkan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	100%
Mata: Kehilangan satu (1) atau kedua-dua mata termasuk Kehilangan Penglihatan	100%

PERUNTUKAN KHAS

- **Koma**
Setelah mendapat pengesahan oleh **Pengamal Perubatan** bahawa **Anda** telah berada dalam keadaan koma selama sekurang-kurangnya satu (1) tahun akibat **Kemalangan**, **Kami** akan membayar 100% Manfaat 1. Walau bagaimanapun, **Kami** mempunyai hak untuk mendapatkan pulangan pembayaran yang dibuat jika **Anda** memperoleh semula kesedaran dengan syarat potongan sebanyak 10% daripada pembayaran yang disebut di atas untuk setiap tahun **Anda** berada dalam keadaan koma.
- **Kehilangan**
Kematian akan dianggap telah berlaku sekiranya **Anda** telah hilang selama dua belas (12) bulan yang berturut-turut dan **Kami** telah memeriksa segala bukti yang ada untuk menyokong kesimpulan bahawa kematian adalah disebabkan oleh **Kemalangan** yang dilindungi oleh Sijil ini. Jika pada bila-bila masa selepas bayaran dibuat oleh **Kami** bagi tuntutan sedemikian, **Anda** ditemui masih hidup, bayaran balik sepenuhnya hendaklah dibuat kepada **Kami**.

PENGECUALIAN (BERKENAAN DENGAN SELURUH SIJIL)

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada:

1. Penglibatan atau penyertaan **Anda** dalam: -
 - a) Anggota berpakaian seragam dan bersenjata, perkhidmatan atau operasi angkatan tentera laut atau udara (kecuali pekerjaan Polis);
 - b) Sukan profesional, sukan musim sejuk selain daripada meluncur ais;
 - c) Memanjat batu atau mendaki gunung (dengan keperluan menggunakan tali atau pemandu gunung), meneroka gua, seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti dalam air yang melebihi lima puluh (50) meter dalam, aktiviti udara termasuk payung terjun, peluncuran gantung dan terjun bunge atau sebarang jenis perlumbaan selain daripada yang menggunakan kaki;
 - d) Perjalanan udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam penerbangan yang diiktiraf dan dioperasikan oleh mana-mana pesawat di laluan dan perjalanan udara yang dijadualkan dan perjalanan udara oleh mana-mana pesawat yang disewa dan dilesenkan dengan sewajarnya sebagai pengangkut udara yang diiktiraf dan diterbangkan oleh krew profesional di antara lapangan terbang yang ditubuhkan dan dikendalikan dengan betul;
 - e) Perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang atau sebarang kegiatan haram;
 - f) Memandu tanpa lesen memandu yang sah.
 - g) semasa menunggang atau semasa menaiki atau turun dari motosikal.
2. Dipengaruhi oleh alkohol atau dadah, kecuali dadah tersebut diambil atas arahan **Pengamal Perubatan** dengan syarat arahan tersebut bukan untuk merawat penagihan dadah.
3. Pembunuhan atau serangan akibat provokasi, sengaja mencederakan diri sendiri, membunuh diri atau cubaan membunuh diri atau sebarang percubaan untuk berbuat demikian sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman.
4. Kelahiran, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi yang berkaitan kecuali semata-mata dan secara langsung oleh **Kemalangan** kepada **Anda**.
5. Gigitan nyamuk
6. **Penyakit**, kesakitan atau sebarang masalah Kesihatan
7. **Keadaan Sedia Ada**.
8. Sengaja mendedah kepada bahaya yang luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia).
9. HIV (Virus Kurang Daya Ketahanan Manusia) dan/atau sebarang penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC), namun disebabkan dan/atau sebarang derivatif mutan, variasi atau rawatan yang disebabkan olehnya.
10. Penyertaan secara langsung dalam rusuhan atau kekecohan awam, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada **Peperangan** diisytiharkan atau tidak), pemberontakan, revolusi, kebangkitan, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa.
11. Radiasi pengionan atau pencemaran oleh aktiviti radio dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear sendiri.
12. **Peperangan** atau **Peperangan** saudara – sama ada diisytiharkan atau tidak.
13. Sekatan - **Kami** tidak akan memberi perlindungan atau membuat apa-apa bayaran atau memberikan apa-apa perkhidmatan atau manfaat kepada **Pemilik Sijil** atau **Anda** atau pihak lain setakat perlindungan, pembayaran, perkhidmatan dan manfaat yang mana akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan.
14. Wabak dan/atau pandemik.

SYARAT

1. **HAD UMUR**
Dari umur dua belas (12) tahun sehingga tujuh puluh lima (75) tahun dan semua umur merujuk kepada umur **Anda** pada hari lahir berikutnya.
2. **PENGUBAHAN**
Kami berhak untuk meminda caruman, terma dan syarat Sijil ini dan sebarang perubahan kepada Sijil ini adalah dianggap sah jika dibenarkan oleh **Kami** dan diendorskan ke atasnya. Sekiranya perubahan ini dilaksanakan, **Kami** akan memberikan notis bertulis kepada alamat terakhir **Pemilik Sijil** yang diketahui dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perubahan syarat dan terma Sijil dengan alasan yang sah.

3. PENIMBANGTARA

Segala percanggahan yang timbul daripada Sijil ini hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang perlu dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah. Jika mereka tidak dapat bersetuju tentang siapa yang akan menjadi Penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan selepas mereka diperlukan secara bertulis berbuat demikian, kedua-dua pihak berhak untuk melantik seorang Penimbangtara masing-masing yang akan mendengar penjelasan bersama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbangtara. Bagaimanapun, ini tertakluk kepada syarat bahawa sebarang penolakan tanggungan oleh **Kami** terhadap sebarang tuntutan di bawah Sijil ini mesti dirujuk kepada seorang Penimbangtara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh penolakan tanggungan tersebut.

4. PENAMATAN AUTOMATIK

Sijil akan tamat secara automatik pada tarikh kejadian-kejadian berikut, yang mana lebih awal:-

- i. pada tarikh siji induk tamat tempoh;
- ii. pada tarikh **Sijil Takaful** tamat tempoh; dan
- iii. pada tarikh tuntutan dibuat ke atas seratus peratus (100%) daripada Manfaat 1.

5. PEMBATALAN

Pembatalan tidak dibenarkan setelah sijil induk dan/atau **Sijil Takaful** dikeluarkan.

6. PERTUKARAN ALAMAT ATAU SEBARANG MAKLUMAT

Pemilik Sijil hendaklah memberikan notis bertulis dengan segera kepada **Kami** sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat pekerjaan, perniagaan, tugas atau hobi **Pemilik Sijil** dan/atau **Anda** dan membuat caruman tambahan yang mungkin akan dikenakan oleh **Kami**. Sebelum setiap pembaharuan Sijil dilakukan, **Pemilik Sijil** mesti memberitahu **Kami** secara bertulis sekiranya terdapat sebarang kecederaan, kesakitan, kecacatan fizikal atau kelemahan fizikal di mana **Pemilik Sijil** dan/atau **Anda** telah sedar atau pun sedang atau telah mengalami.

7. BAYARAN TUNTUTAN

Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam sijil induk ini, semua manfaat yang perlu dibayar di dalam sijil ini akan dibuat kepada **Pemilik Sijil**, sebagai kewajipan **Pemilik Sijil** untuk membayar balik **Orang Yang Dilindungi**.

8. PROSEDUR TUNTUTAN

Apabila berlaku sebarang tuntutan di bawah Sijil ini:-

- i. Notis bertulis yang menyatakan butir-butir tuntutan hendaklah diberikan kepada **Kami** dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kejadian yang menyebabkan tuntutan sedemikian;
- ii. **Anda** hendaklah mendapatkan dan bertindak atas nasihat **Pengamal Perubatan** yang wajar dengan secepat mungkin;
- iii. Segala sijil, maklumat dan keterangan yang diperlukan oleh **Kami** mestilah disediakan atas perbelanjaan pihak penuntut dalam bentuk yang ditetapkan oleh **Kami**;
- iv. **Anda** mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut sebagaimana yang diperlukan oleh **Kami** atas perbelanjaan **Kami**.
- v. Sekiranya berlaku kematian, **Kami** berhak untuk meminta pemeriksaan bedah siasat dijalankan dan di mana boleh notis hendaklah diberikan kepada **Kami** sebelum pengebumian atau pembakaran mayat, menyatakan tempat dan masa untuk sebarang perbicaraan penyiasaan yang akan diadakan.

9. SYARAT SEBELUM TANGGUNGAN DITERIMA

Sebagai syarat sebelum **Kami** menerima sebarang tanggungan, **Pemilik Sijil** dan setiap **Orang Yang Dilindungi** hendaklah mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat Sijil ini dengan sewajarnya dan sejauh mana ia melibatkan sebarang perkara yang perlu dilakukan dan dipatuhi.

10. MATA WANG DAN KADAR PERTUKARAN

- i. Semua bayaran yang dibuat hendaklah dalam Ringgit Malaysia (**RM**).
- ii. Semua caruman yang dibuat hendaklah dalam Ringgit Malaysia (**RM**).

11. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kontrak Takaful Pengguna - Apabila **Pemilik Sijil** telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan **Pemilik Sijil**, perniagaan atau profesion **Pemilik Sijil**, **Pemilik Sijil** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa **Pemilik Sijil** membuat permohonan takaful ini) seperti contoh, **Pemilik Sijil** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful **Pemilik Sijil** selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. **Pemilik Sijil** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Pemilik Sijil** tahu akan mempengaruhi keputusan pihak **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan. **Pemilik Sijil** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful **Pemilik Sijil** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Pemilik Sijil** membuat permohonan takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

Kontrak Takaful Bukan Pengguna - Apabila **Pemilik Sijil** telah memohon takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Pemilik Sijil**, **Pemilik Sijil** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Pemilik Sijil** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful **Pemilik Sijil**. **Pemilik Sijil** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful **Pemilik Sijil** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Pemilik Sijil** membuat permohonan takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

12. UNDANG-UNDANG YANG BOLEH DIPAKAI

Sebarang penafsiran Sijil ini berkaitan dengan pembinaannya, kesahan atau operasi hendaklah ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

13. BAHASA

Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

14. SALAH NYATA ATAU KETINGGALAN FAKTA PENTING

Jika:

- (a) sebarang jawapan, pendedahan atau pernyataan yang **Pemilik Sijil** dan/ atau **Anda** berikan, sebelum kontrak takaful ini dimeterai, diubah

atau diperbaharui, dalam atau kepada mana-mana cadangan atau perakuan atau pertanyaan, yang dibuat secara sengaja atau melulu dari segenap segi; atau

- (b) sebelum kontrak takaful ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, **Pemilik Sijil** dan/ atau **Anda** gagal mendedahkan apa-apa fakta yang **Pemilik Sijil** dan/ atau **Anda** ketahui yang berkaitan dengan keputusan **Kami** untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan; atau
 - (c) apa-apa tuntutan yang dibuat berbentuk penipuan atau ditokok-tambah, atau sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut.
- maka dalam mana-mana hal di atas, Sijil ini adalah batal.

15. TIDAK BOLEH MENYERAH HAK

Sijil ini tidak boleh diserahkan dan **Kami** tidak akan mengiktiraf atau mengambil kira sebarang caj, amanah, lien atau penyerahan hak berkaitan dengan Sijil ini. Sebarang penerimaan atau pelepasan yang diberikan oleh **Pemilik Sijil** atau wakil sah di sisi-sisi undang-undang kepada **Kami** untuk apa-apa jumlah yang dilindungi atau pampasan di bawah Sijil ini akan dianggap pelepasan muktamad dan sepenuhnya bagi semua tanggungan **Kami** terhadap sebarang dan setiap kecederaan atau kejadian luar jangka (termasuk kematian) yang dialami oleh **Anda** disebabkan tuntutan sama ada yang berlaku sebelum atau selepas tarikh penerimaan atau pelepasan tersebut.

16. NOTIS

Setiap notis atau komunikasi kepada **Kami** hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada **Kami**. Perubahan kepada terma Sijil ini, atau sebarang pengendorsan kepadanya, tidak akan dianggap sah kecuali ditandatangani atau diparap oleh wakil sah **Kami**.

17. WARANTI CARUMAN

Ia adalah syarat khusus dan mutlak bagi sijil induk ini bahawa caruman yang dihutang kepada **Kami** mesti dibuat dan diterima oleh **Kami** dalam masa enam puluh (60) hari dari **Tarikh Mula**. Jika syarat ini tidak dipatuhi, sijil induk ini akan dibatalkan secara automatik dan **Kami** berhak menerima caruman prorata bagi tempoh **Kami** memberikan perlindungan. Bagi caruman yang diterima oleh ejen sah **Kami**, caruman dianggap diterima oleh **Kami** untuk tujuan waranti ini. Tanggungjawab untuk membuktikan caruman diterima oleh seseorang, termasuk ejen takaful yang tidak dibenarkan menerima caruman tersebut, terletak pada **Kami**. Tertakluk kepada terma dan syarat sijil induk ini.

18. CUKAI

Semua caruman dan yuran yang perlu dibuat di dalam Sijil mungkin dikenakan **Cukai**. Jika dikenakan, **Cukai** akan dinyatakan dalam invoice dan **Kami** berhak untuk menuntut atau mengutip **Cukai** daripada **Anda** selain daripada caruman dan/atau yuran yang perlu dibuat di dalam Sijil ini.

- 19. Mengikut kesesuaian konteks, perkataan yang merujuk nombor tunggal hendaklah termasuk kata gandaan dan sebaliknya dan perkataan yang merujuk jantina lelaki hendaklah termasuk wanita dan jantina neuter dan perkataan yang merujuk kepada perseorangan hendaklah termasuk badan korporat.

NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas **Kami**. **Anda** boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi, menghadkan pemprosesan data peribadi dan/atau untuk memilih keluar daripada penggunaan **Kami** pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada **Kami** dengan menghantar e-mel ke callcentre@zurich.com.my. Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor sijil, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut. Pemprosesan data peribadi **Anda** tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi **Kami**, seperti yang diterbitkan di <https://www.zurich.com.my/pdpa>.

PERKONGSIAN LEBIHAN

Kami akan menguruskan caruman takaful **Anda** dengan mengenakan Yuran Wakalah seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa kawal selia di bawah prinsip Wakalah, dan seterusnya melabur ke dalam dana Takaful melalui Dana Takaful Am (DTA). Jika pada akhir **Tempoh Takaful** yang dinyatakan di dalam **Sijil Takaful** yang dilampirkan kepada Sijil, terdapat lebihan bersih dalam **DTA**, lebihan bersih akan dikongsi secara seimbang pada nisbah 50:50 di antara **Kami** / Pengendali Takaful dan **Anda**, yang tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau menerima sebarang manfaat di bawah kelas risiko sama seperti yang dinyatakan di dalam **Sijil Takaful** tersebut selagi Sijil berkuat kuasa.

Semua **Pemilik Takaful** runcit yang tidak membuat sebarang tuntutan dalam tempoh perlindungan terdahulu layak untuk pengagihan lebihan. Sijil dan caruman mestilah untuk tempoh Takaful satu (1) tahun dan tamat pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan.

Semua **Pemilik Takaful** korporat yang tidak membuat sebarang tuntutan melebihi tiga puluh (30%) peratus daripada caruman kasar dalam tempoh perlindungan terdahulu layak untuk menerima agihan lebihan. Sijil dan caruman mestilah untuk tempoh Takaful satu (1) tahun dan telah tamat pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan.

Kelayakan dan jumlah lebihan yang akan diagihkan adalah berasaskan kepada cadangan yang dibuat oleh Aktuari **Kami** Yang Bertanggungjawab dan diendors oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah.

PENGURUSAN JUMLAH KECIL

Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan kepada kebajikan. Bagaimanapun, jika **Anda** membuat keputusan sebaliknya, **Anda** perlu mengemukakan permohonan formal kepada **Kami**. **Kami** mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah **Kami**.

PENTING

Pemilik Sijil hendaklah membaca Sijil ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau salah keterangan ditemui di dalam ini, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak **Pemilik Sijil**, sila maklumkan kepada **Kami** dengan serta-merta dan Sijil dipulangkan untuk perhatian **Kami**.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

PROSEDUR UNTUK MEMBUAT ADUAN TAKAFUL

Sila semak Sijil untuk memastikan ia memenuhi keperluan **Pemilik Sijil** .

Untuk mengelakkan salah faham, sijil induk, **Sijil Takaful** dan sebarang pengendorsan yang dilampirkan di dalamnya hendaklah dibaca dengan teliti. Jika **Anda** mempunyai sebarang aduan atau rungutan berkaitan Sijil, sila hubungi ejen **Anda**, jika ada atau hubungi pejabat pengeluar **Kami**. **Kami** memberi jaminan bahawa aduan **Anda** akan diberi perhatian dengan segera. Sebagai pengendali takaful yang bertanggungjawab, **Kami** ingin memaklumkan **Anda** bahawa **Anda** juga boleh mengemukakan ketidakpuasan hati **Anda** kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau kepada Pusat Perhubungan (BNMLINK) dari Bank Negara Malaysia seperti yang disenaraikan di bawah.

Prosedur mengemukakan aduan kepada OFS

Jika **Pemilik Sijil** tidak berpuas hati dengan keputusan **Kami**, **Pemilik Sijil** boleh menulis surat kepada Pengantara dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat Sijil ini.

Jika keputusan Pengantara memihak kepada **Pemilik Sijil** berbanding **Kami**, **Pemilik Sijil** dikehendaki memaklumkan Pengantara sama ada **Pemilik Sijil** menerima atau menolak bayaran dalam tempoh (14) empat belas hari.

Jika **Pemilik Sijil** tidak setuju dengan bayaran tersebut, **Pemilik Sijil** boleh menolak keputusan Pengantara. **Pemilik Sijil** bebas untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap **Kami** atau merujuk kes kepada Penimbangtaraan.

Pemilik Sijil boleh menghubungi **Kami** di:

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000

Faks: 03-2109 6888

Pusat Panggilan: 1-300-888-622

Emel: callcentre@zurich.com.my

Pemilik Sijil boleh berhubung dengan OFS di:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (Dahulu dikenali sebagai Financial Mediation Bureau)

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Tel: 603-2272 2811

E-mel: enquiry@ofs.org.my

Laman web: www.ofs.org.my

Prosedur mengemukakan aduan kepada Pusat Perhubungan (BNMLINK)

Sebagai alternatif, **Pemilik Sijil** juga boleh menyatakan ketidakpuasan hati terhadap pengendalian **Kami** dengan menulis surat kepada BNMLINK untuk memberikan butiran aduan dan maklumat Sijil ini kepada:

Pusat Perhubungan (BNMLINK)

BNMLINK (Bank Negara Malaysia Laman Informasi Nasihat dan Khidmat)

4th Floor, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465 (LINK)

E-mel: bnmlink@bnm.com.my

Laman web: bnmlink.bnm.gov.my

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000

Faks: 03-2109 6888

Pusat Panggilan: 1-300-888-622

www.zurich.com.my

